

Sarkina Bt Mat Saad @ Shaari

From: UUM CORPORATE COMM.
Sent: Isnin, 21 Disember 2020 4:42 ptg
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: PERUTUSAN NAIB CANSELOR KEPADA SELURUH WARGA UUM



UUM Corporate Comm.
Universiti Utara Malaysia

21 DISEMBER 2020 / 6 JAMADILAWAL 1442H

=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(*THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY*)

UUM ONLINE:

Kejayaan UUM, Kejayaan Bersama!



Prof. Dato' Dr. Ahmad Bashawir Haji Abdul Ghani
Naib Canselor

Yang dikasihilah semua staf akademik, staf pengurusan profesional dan staf pelaksana.

Tahun 2020 merupakan tahun yang begitu mencabar, luar biasa serta sangat unik dalam sejarah negara apabila dunia dilanda pandemik Covid-19.

Di UUM, banyak perancangan yang telah disusun atur terpaksa ditangguhkan atau distruktur semula demi memastikan fungsi UUM sebagai institusi pengajian tinggi tidak terjejas. Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) menyebabkan penyampaian ilmu secara bersemuka diubah kepada kaedah PdP secara maya, iaitu secara *remote learning* untuk memastikan pelajar dapat bergraduat dalam tempoh yang ditetapkan.

Di sebalik kegetiran dan kegentingan ini, ada keharuman yang terserlah. Tahun ini kita menyaksikan kadar kebolehpasaran graduan UUM melonjak naik kepada lebih 92%. Hal ini membuktikan bahawa graduan UUM berkualiti, berinovasi dan dapat memenuhi keperluan industri semasa. UUM juga berada dalam senarai Top 110 Asia dalam penilaian Quacquarelli Symonds (QS) World University Rankings 2021 Asia serta ditempatkan dalam kelompok 3 universiti terbaik di Malaysia dalam Times Higher Education (THE) World University Rankings 2021. Yang lebih membanggakan kita adalah dari aspek pencapaian berasaskan subjek dalam THE World University Rankings by Subject 2021. Subjek teras UUM, iaitu Business and Economics telah menempatkan UUM pada tangga ke-4 negara dan kedudukan ini menunjukkan bahawa UUM berjaya menyaingi dua universiti penyelidikan (RU) di Malaysia, iaitu Universiti Putra Malaysia (UPM) dan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM). Kejayaan ini turut mengubah kedudukan UUM pada peringkat Asia Tenggara apabila universiti ini berada pada tangga yang keenam dan mengatasi beberapa universiti tersohor di rantau ini seperti Chulalongkorn University dan Thammasat University di Thailand, serta Universitas Indonesia dan Universitas Gadjah Mada di Indonesia. Kejayaan juga turut dilakar menerusi Othman Yeop Abdullah Graduate School of Business (OYAGSB) yang tersenarai dalam QS World University Rankings (QSWUR): Global MBA 2021 apabila UUM muncul sebagai satu-satunya institusi pengajian tinggi negara yang berada dalam kelompok terbaik di Asia, iaitu pada tangga

yang ke-27. Yang terkini pula, UUM berjaya mengekalkan penarafan 5 bintang dalam Setara 2018/2019. Syukur Alhamdulillah.

Tahun ini juga menempa sejarah pengiktirafan universiti kepada staf dengan pertambahan jumlah staf akademik dan pentadbiran yang diberi kenaikan pangkat sehingga Gred VK5. Saya yakin dengan kekuatan dan keupayaan sedia ada, bilangan staf yang layak menerima kenaikan pangkat sehingga Gred VK5 pasti akan meningkat pada masa akan datang. Dari segi kewangan pula, kita berjaya mengurangkan perbelanjaan universiti secara keseluruhan dengan beberapa langkah penjimatan selain mengamalkan perbelanjaan yang berhemah.

Tahun 2020 yang bakal berakhir tidak lama lagi menandakan Pelan Strategik UUM Fasa Kedua: 2016-2020 hampir tamat. Sudah banyak sasaran yang tercapai dalam tempoh tersebut. Fasa yang ketiga (2021-2025) juga sudah direncana dengan baik dengan penekanan diberikan kepada beberapa perkara seperti pengantarabangsaan dan pemasaran UUM dengan menyerlahkan lagi keterlihatan jenama UUM ke persada sejagat, peningkatan penguasaan bahasa Inggeris dalam kalangan pelajar UUM serta pemeraksanaan budaya korporat di universiti ini.

Sejujurnya, bantuan, sokongan dan kerjasama daripada semua warga universiti telah banyak membantu pihak universiti merealisasikan visi dan misi yang digagaskan. Syabas dan Tahniah saya ucapkan kepada tuan/puan semua atas segala usaha, ketekunan dan kecekalan yang dipamerkan sepanjang tahun ini. Saya juga ingin merakamkan penghargaan kepada Yang Berbahagia Tan Sri Datuk Wira Dr. Hj. Mohd Shukor Hj. Mahfar, Pengerusi Lembaga Pengarah Universiti dan semua ahli LPU yang turut bersama-sama sederap selangkah memastikan UUM berada pada puncak jaya pada hari ini.

Sekian, terima kasih dan salam hormat.



Please consider the environment before printing this e-mail



BACHELOR



Institute of Hospitality
ACCREDITED



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.